



ANGKASA BADAN APEKS GERAKAN KOPERASI NEGARA

Angkasa sebagai badan apeks gerakan koperasi negara yang menyatu dan mewakili koperasi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa telah mengukir pelbagai kejayaan dalam usaha membangun dan merangsang keusahawanan koperasi.

Kerjasama yang terjalin antara pemegang taruh dan kepimpinan koperasi sepanjang lima dekad, menggambarkan semangat kesepaduan dan kebersamaan kepimpinan anggota koperasi untuk bersama-sama Angkasa dalam memperhebat peranan gerakan ini sebagai medium meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat.

Angkasa ditubuhkan hasil daripada cadangan Kongres Kerjasama Malaysia Kedua yang dirasmikan oleh Perdana Menteri Malaysia yang kedua, Tun Abdul Razak Hussein. Ketika penggubalan Dasar Ekonomi Baru (DEB), pemimpin negara ketika itu memutuskan bahawa perlunya sebuah badan yang boleh memimpin serta mewakili gerakan koperasi di seluruh negara.


Angkasa secara rasminya didaftarkan sebagai Angkatan Kerjasama Kebangsaan Malaysia Berhad mengikut fosil 7 di dalam Ordinan Sharikat Bekerjasama sama tahun 1948 pada 12 Mei 1971. YM Prof. Diraja Ungku Abdul Aziz Ungku Abdul Hamid dipilih sebagai Yang Dipertua ANGKASA yang Pertama. Pada 23 Mei 1996, kerajaan secara rasminya mengiktiraf ANGKASA sebagai badan yang mewakili pergerakan koperasi Malaysia di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Bagi menyelesaikan masalah pinjaman tidak dibayar yang dihadapi oleh koperasi, Angkasa telah mewujudkan Biro Perkhidmatan Angkasa (BPA) pada tahun 1977. Semua potongan koperasi dan lain-lain organisasi diuruskan melalui satu saluran bagi memudahkan urusan potongan gaji anggota diproses oleh jabatan kerajaan atau majikan swasta (yang berdaftar dengan BPA).

Perkhidmatan BPA menggunakan Sistem Potongan Gaji Angkasa (SPGA) berperanan mengawal peningkatan kadar keberhutangan supaya tidak melebihi had 80 peratus daripada pendapatan bulanan peminjam. BPA berkhidmat secara professional, telus dan berintegriti sehingga kini.

Angkasa menekankan amalan, prinsip dan jati diri koperasi yang mengutamakan nilai dan semangat 'Bekerja Bersama-sama Demi Manfaat Bersama'. Kelancaran aktiviti perniagaan koperasi khususnya dalam aspek kewangan, kerjasama strategik, pengeluaran, kualiti produk dan pemasaran diberi tumpuan utama.

Ruang dan peluang yang diberikan kepada semua peringkat koperasi untuk memajukan pendidikan, kemahiran dan perniagaan membuktikan Angkasa sentiasa cakna terhadap kelangsungan gerakan koperasi agar terus relevan dan berupaya memberi sumbangan bermakna kepada anggotanya.



EVOLUSI 50 TAHUN ANGKASA

1970-an ERA RINTIS

1971
12 MEI 1971
Tubuhannya di bawah Ordinan Kerajaan 23/1948 sebagai Koperasi Apeks Gerakan. Fokus pendidikan dan latihan. Memulakan perkhidmatan potongan gaji (Biro Perkhidmatan ANGKASA)

1980
Razmi didaftarkan sebagai Angkatan Kerjasama Kebangsaan Malaysia berhad melalui pindaan Undang-undang ke-102 ANGKASA. Memulakan pendidikan keperniagaan dengan pengiktirafan sebagai lembaga profesional. Memulakan pengkhususan bahagian yang berfokus pada pelaksanaan program dan aktiviti ANGKASA.

1980-an ERA BARU KOPERASI

1996
Kerajaan mengiktiraf ANGKASA sebagai badan yang mewakili pergerakan koperasi negara (Apeks).

1990-an ERA PENGUKUHAN

2000
Memperkenalkan perkhidmatan dan program bantuan dengan penggunakan aplikasi teknologi terkini.

2000-an ERA PENGEMBANGAN

2003
ANGKASA MIAO menggariskan Kurikulum Wajid untuk Anggota Lembaga Koperasi dan Jawatankuasa Audit. Berkesan bagi memperkembangkan, menaikkan dan kadar unit koperasi.

2008
Menerima ISO 9001:2000 untuk Sistem Kualiti ANGKASA.

2010-an ERA TRANSFORMASI

2010
PWA melakukan rancangan perubahan untuk mewujudkan agakan yang melaburkan perniagaan.

2012
Perubahan Substansi.

2014
Presiden ANGKASA dipilih sebagai Presiden ARAA Co-operative Organization 2014 hingga 2018.

2017
Pilih sebagai ANKASA 2017-2020. Papan Industri Ekonomi Strategik ANGKASA. Fokus Pembangunan Perkhidmatan Koperasi.

2018
Pembangunan MJO (Bilik Koperasi OC) yang pertama dibina untuk membantu usahawan Koperasi OC.

2020-an ERA PENGANTARABANGSAAN

Mengukuhkan hubungan dan kerjasama dengan pengiktirafan pada peringkat antarabangsa.

Presiden ANGKASA, merangkap Presiden ACO dipilih sebagai NKB Pilihan Ketua Koperasi Antarabangsa (KAT) oleh ICA-AP pada tanggal 2022-2026.

www.angkasa.coop @AngkasaCoop



“Pelan Strategik Angkasa 2050 (PESAN50) menjadi landasan dan hala tuju untuk merealisasikan visi ANGKASA sebagai pemacu unggul kelestarian sosioekonomi gerakan koperasi”

DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH ABDULLAH
 PRESIDEN ANGKASA
 PRESIDENT ASEAN CO-OPERATIVE ORGANIZATION (ACO)
 NAIB PRESIDEN INTERNATIONAL COOPERATIVE ALLIANCE ASIA AND PACIFIC (ICA-AP)



Bekerjasama Membina Masa Hadapan Bersama

100 tahun gerakan koperasi merentasi zaman, pelbagai isu dan cabaran perlu ditangani bersama bagi membantu meningkatkan penyertaan masyarakat berkoperasi dan memperkasa tahap keupayaan keusahawanan koperasi. Kesejahteraan sosioekonomi masyarakat sememangnya menjadi tunjang utama dalam perjuangan Angkasa untuk membantu merapatkan ketidakeimbangan dan jurang pendapatan masyarakat khususnya anggota koperasi.

Angkasa akan terus memperjuangkan hak dan kepentingan gerakan koperasi serta komited untuk melaksanakan agenda nasional di samping menyokong inisiatif Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 2030 agar institusi ini berterusan menyumbang kepada kemajuan sendiri, kelangsungan ekonomi dan kesejahteraan rakyat.

Pelan Strategik Angkasa 2050 (PESAN50) menjadi landasan kepada pelan tindakan pembangunan koperasi yang menyeluruh untuk menyumbang kepada pengukuhan platform keusahawanan koperasi sebagai pemangkin pengagihan ekonomi yang inklusif, adil dan seimbang.

Menerusi PESAN50, Angkasa akan membantu membiayai platform koperasi sebagai pilihan utama perniagaan, meningkatkan impak ekonomi gerakan koperasi dan membantu menyediakan taraf hidup yang wajar kepada anggota dan komuniti.



PERKHIDMATAN DAN SOKONGAN

- Sistem Potongan Gaji Angkasa (SPGA)
- Pendidikan dan Latihan Koperasi
- Khidmat Pembangunan Perniagaan
- Pengurusan Syarikat
- Pengurusan Zakat
- Pengurusan Insurans Lf-Waaf
- Tanggungjawab Sosial Koperasi (CSR) - CoopCare Angkasa
- Kutipan dan Pemulihan Kredit
- Perkhidmatan Pemulihan Koperasi
- Promosi dan Publisiti Gerakan Koperasi
- Museum Koperasi Malaysia
- Perputakaan Koperasi Malaysia
- Sistem Pengurusan Berkomputer Angkasa (SPBA)
- SPBA-AP
- Sistem Tawaran Angkasa
- Pencapaian Koperasi
- Perkhidmatan Khas Unit

PEMBANGUNAN PERNIAGAAN

Liputan Sektor Persekitaran Pembangunan Perniagaan Koperasi:

- Sektor Kewangan
- Sektor Insurans dan Teknologi
- Sektor Pembangunan dan Perkhidmatan
- Sektor Perladangan
- Sektor Pelancaran, Perijajaan Diri dan Kesihatan
- Sektor Pembangunan Komuniti
- Sektor Hartanah dan Industri Binaan
- Sektor Pertanian dan Industri Asas Tani

• Angkasa Niaga
• Syarikat Bersekutu

• MyANGKASA Holdings Sdn. Bhd. (1029674-X)
• MyANGKASA Bina Sdn. Bhd. (1033239-W)
• MyANGKASA Distribusi Sdn. Bhd. (1032857-W)
• MyANGKASA Amanah Berhad (1078340-H)
• MyANGKASA Pemasai Sdn. Bhd. (1056010-W)

• ANGKASA Research & Certification Sdn. Bhd. (1301578-M)
• ANGKASA KOMARDI Dairy Sdn. Bhd. (201901030144/1346274-T)

JARINGAN

- International Cooperative Alliance (ICA)
- ASEAN Co-operative Organization (ACO)
- ICA-AP Malaysia Business Office (MBO)
- Kaniteruan Koperasi
- Koperasi Pembiayaan Syariah ANGKASA Berhad (KOPSYA) (W-6-0717)
- Yayasan ANGKASA (241570)
- Yayasan Insurans ANGKASA (1948-22/2021)

Perangkaan Gerakan Koperasi sehingga 31 Disember 2021

14,834 Koperasi

7.08 Juta Orang Keanggotaan

RM155 Bilion Aset

RM18.5 Bilion Syer / Utang

RM37.9 Bilion Perolehan

Sumber: Guruhajaya Koperasi Malaysia

